

PERKAITAN DI ANTARA PERSONALITI, MOTIVASI INTRINSIK DAN
EKSTRINSIK DALAM KALANGAN ATLET BOLA JARING

AISYAH FADHILAH BINTI AZMAN

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 TANJONG MALIM, PERAK

PERKAITAN DI ANTARA PERSONALITI, MOTIVASI INTRINSIK DAN
EKSTRINSIK DALAM KALANGAN ATLET BOLA JARING

AISYAH FADHILAH BINTI AZMAN

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 TANJONG MALIM, PERAK



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa penulisan ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan di mana setiap satunya telah dijelaskan dengan sumber rujukan.



(AISYAH FADHILAH BINTI AZMAN)

D20192090776

(TARIKH)



PENGESAHAN

Penulisan ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat kursus

Tahun Akhir (QCR 3996) bagi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains

Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian

(PROFESOR DR. SHAHARUDIN BIN ABDUL AZIZ)

Penyelia Kursus

QCR 3996 – Projek Tahun Akhir

(TARIKH)



PENGHARGAAN

Assalamualaikum, Alhamdulillah terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT, kerana akhirnya saya dapat menyiapkan proposal kajian yang telah ditugaskan kepada saya. Tugasan ini saya telah dilakukan dengan sedaya upaya. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada dan juga penyelia saya, Profesor Dr. Shaharudin Bin Abdul Aziz yang telah memberikan tunjuk ajar terhadap cadangan penyelidikan saya untuk disiapkan. Beliau sentiasa memberikan sokongan dan tunjuk ajar kepada saya untuk membuat cadangan kajian saya dengan baik.

Seterusnya, terima kasih juga kepada penyelaras saya, Dr. Ali Bin Md Nazlan yang turut membantu dalam memberikan pendapat dan komentar terhadap penyelidikan yang saya lakukan. Beliau juga menunjukkan sokongan dan memberikan idea serta mengulas cadangan penyelidikan saya agar saya dapat menambah baik cadangan saya dalam pelbagai cara.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasi kepada rakan - rakan yang menyokong dan membantu saya untuk menyiapkan proposal kajian ini dari segi masa, maklumat sepanjang proses menyiapkan cadangan penyelidikan ini. Saya juga turut menghargai kerjasama yang diberikan oleh atlet - atlet bola jaring Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Aisyah Fadhilah Binti Azman

D20192090776

ISM Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) Dengan Kepujian

Universiti Pendidikan Sultan Idris





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan di antara ciri personaliti dan corak motivasi intrinsik serta corak motivasi ekstrinsik dalam kalangan atlet bola jaring lelaki dan perempuan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini dijalankan secara tinjauan dan maklumat di peroleh melalui soal selidik yang melibatkan 50 orang pemain bola jaring UPSI. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah inventori lima faktor untuk mengukur ciri personaliti dan soal selidik corak motivasi untuk mengukur motivasi pemain. Dapatan menunjukkan komponen ekstarversi, agreeableness, conscientiousness, neurotics, motivasi intriksik dan motivasi ekstrinsik tidak menunjukkan skor min yang signifikan. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang tidak signifikan bagi ciri-ciri personaliti dan corak motivasi. Analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara corak motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan ciri personaliti kecuali motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan ciri personaliti neuroticism. Hal ini bermakna pelajar yang menyertai sukan bola jaring mempunyai personaliti yang berbeza, namun perkara ini tidak mempengaruhi motivasi motivasi mereka secara langsung. Bahkan kecenderungan pemain dapat memotivasikan diri mereka dalam sukan ini.





ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between personality characteristics and intrinsic motivation patterns and extrinsic motivation patterns among male and female netball athletes at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). This study was conducted as a survey and information was obtained through a questionnaire involving 50 UPSI netball players. The questionnaire used in this study is a five-factor inventory to measure personality traits and a motivation pattern questionnaire to measure player motivation. Findings show that the components of extraversion, agreeableness, conscientiousness, neurotics, intrinsic motivation and extrinsic motivation do not show a significant mean score. The findings also show that there is no significant difference in personality traits and motivational patterns. Correlation analysis shows that there is a significant relationship between intrinsic and extrinsic motivation patterns with personality traits except for intrinsic and extrinsic motivation with neuroticism personality traits. This means that students who participate in netball sports have different personalities, but this does not directly affect their motivation. Even the tendency of players can motivate themselves in this sport.





KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix

PENDAHULUAN

HALAMAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Soalan Kajian	5
1.6	Kerangka Kajian	5
1.7	Batasan Kajian	7
	1.7.1 Delimitasi Kajian	7
	1.7.2 Limitasi Kajian	7
1.8	Kepentingan Kajian	8
	1.8.1 Terhadap Pemain Bola Jaring	8
	1.8.2 Terhadap Jurulatih	8
	1.8.3 Terhadap Persatuan Bola Jaring	8





1.9	Definisi Operasional	9
1.9.1	Personaliti	9
1.9.2	Ekstraversion	10
1.9.3	Agreeableness	10
1.9.4	Conscientiousness	11
1.9.5	Neuroticism	11
1.9.6	Openness	11
1.10	Motivasi	12
1.10.1	Motivasi Intrinsik	12
1.10.2	Motivasi Ekstrinsik	13
1.11	Kesimpulan	13

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Personaliti	15
2.3	Motivasi	15
2.4	Kajian Lampau	
2.4.1	Ciri Personaliti	16
2.4.2	Corak Motivasi	20
2.4.3	Ciri Personaliti dan Corak Motivasi	22
2.5	Kesimpulan	23

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	24
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Kerangka Kajian	26
3.4	Pembolehubah Kajian	27
3.4.1	Pembolehubah Bersandar	27
3.4.2	Pemboleh ubah Tidak Bersandar	27



3.5	Sampel Kajian	27
3.6	Instrumen Kajian	28
	3.6.1 Bahagian B: Soal Selidik Ciri Personaliti (<i>BFI</i>)	28
	3.6.2 Bahagian C: Soal Selidik Corak Motivasi (<i>SMS-28</i>)	29
	3.6.3 Nilai Skala Likert	30
3.7	Prosedur	30
3.8	Analisis Data	32
3.9	Kesimpulan	32

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	33
4.2	Analisis Profil Responden	34
	4.2.1 Jantina	34
	4.2.2 Umur	34
4.3	Analisis Statistik Deskriptif	35
	4.3.2 Ciri-Ciri Personaliti Pemain Bola Jaring Lelaki dan Perempuan	35
	4.3.3 Corak Motivasi Pemain Bola Jaring Lelaki dan Perempuan	36
	4.3.4 Perbezaan Ciri Personaliti Pemain Bola Jaring Lelaki dan Perempuan	36
	4.3.5 Perbezaan Corak Motivasi Pemain Bola Jaring Lelaki dan Perempuan	38
	4.3.6 Perkaitan Ciri Personaliti Dengan Corak Motivasi Pemain Bola Jaring Lelaki dan Perempuan	39
4.4	Kesimpulan	42

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN & CADANGAN

5.1	Pengenalan	43
5.2	Ringkasan Kajian	44



5.3	Perbincangan Hasil Kajian	45
5.3.1	Ciri Personaliti dan Corak Motivasi	46
5.3.2	Perbezaan Ciri Personaliti	48
5.3.3	Perbezaan Corak Motivasi	50
5.3.4	Hubungkait Ciri Personaliti dan Corak Motivasi	51
5.4	Cadangan Kajian	55
5.5	Kesimpulan	56
RUJUKAN		57
LAMPIRAN		60



**SENARAI JADUAL**

Jadual		Halaman
Jadual 1	Penerangan Skala dan Item <i>BFI</i>	29
Jadual 2	Pernyataan Sub Skala Corak Motivasi Sukan (<i>SMS-28</i>)	29
Jadual 4.1	Dapatan Profil Jantina Responden	34
Jadual 4.2	Dapatan Profil Umur Responden	35
Jadual 4.3	Dapatan Analisis Ciri-ciri Personaliti Pemain Bola Jaring Lelaki dan Perempuan	35
Jadual 4.4	Dapatan Analisis Tahap Motivasi Pemain Bola Jaring Lelaki dan Perempuan	36
Jadual 4.5	Dapatan Analisis Perbezaan Ciri Personaliti Pemain	37
Jadual 4.6	Dapatan Analisis Perbezaan Corak Motivasi Pemain	38
Jadual 4.7	Dapatan Perkaitan Di Antara Ciri Personaliti dengan Corak Motivasi Pemain	39

**SENARAI RAJAH**

1.6	Kerangka Kajian	6
3.3	Kerangka Kajian Soal Selidik	26
3.7	Carta Aliran Soal Selidik	31





SENARAI SINGKATAN

SUKIPT	Sukan Institusi Pengajian Tinggi
SUKMA	Sukan Malaysia
SEA	<i>Sport East Asean</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
BFI	<i>Big Five Inventory</i>
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
FIRST	<i>Ford Imsonia Respon To Stress Test</i>
LPA	<i>Latent Profile Analysis</i>
TEOSQ	<i>Task & Ego Orientation In Sport</i>
n	Bilangan Sampel
m	Nilai Min dan Purata
sd	Sisihan Piawai
Dk	Darjah Kebebasan
t	Nilai- t
Sig	Signifikan
P	Nilai Kebarangkalian
r	Nilai Reabiliti





BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Bab pendahuluan ini adalah sebagai pengenalan yang memberi tumpuan kepada aspek latar belakang kajian, pernyataan masalah yang menjelaskan sebab kajian ini akan dilaksanakan. Selain itu, objektif kajian menyatakan secara terperinci tentang pembolehubah kajian dan persoalan kajian yang pengkaji telah senaraikan untuk dalam bab seterusnya. Di samping itu, turut disertakan kerangka kajian yang menceritakan pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar, definisi operasional, pembolehubah yang akan dikaji dan kepentingan kajian iaitu siapa yang akan mendapat manfaat dan faedah setelah kajian ini dilaksanakan nanti.



1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penglibatan individu dalam sukan merupakan satu sumbangan kepada gaya hidup yang sihat. Gaya hidup yang sihat ini adalah penentu kepada tahap aktif seseorang individu dalam aktiviti fizikal. Sukan bola jaring merupakan sukan berbentuk kemahiran terbuka (*open skill*) dan berentak laju yang memerlukan pemain melakukan pergerakan pantas serta banyak perubahan arah secara tiba-tiba. Tujuan permainan bola jaring adalah untuk mendapatkan sebanyak jaringan kemenangan berbanding pihak lawan dalam suatu jangka masa tertentu. Sehubungan dengan itu, pemain perlu mempunyai kecekapan dan ketajaman mata serta kecerdasan mental dalam hubungkaitkan aspek membuat keputusan dalam melaksanakan strategi dan taktik serangan serta bertahan bagi menyelesaikan masalah permainan di bawah satu set undang-undang dan struktur permainan (Capel, 2000) serta mempertingkatkan personaliti, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Sukan bola jaring ini merupakan sukan yang telah ada dalam peringkat sukan SUKIPT, SUKMA dan sukan SEA. Justeru, sukan ini mudah untuk diikuti di kalangan pelajar-pelajar sama ada lelaki mahupun wanita. Kemasukan pelajar di Universiti merupakan salah satu medium untuk menarik pelajar yang berkecenderungan dalam pelbagai sukan untuk melahirkan seseorang atlet yang lebih cemerlang serta akan mencorak pencapaian mereka dalam sukan yang dipilih. Pencapaian seseorang atlet boleh dipengaruhi oleh personaliti dan motivasi. Oleh itu, pengkaji akan melaksanakan kajian untuk melihat hubungan antara personaliti, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris.



Dalam kajian yang lepas terdapat beberapa kajian yang membincangkan personaliti dan motivasi atlet, antaranya personaliti dapat dikaitkan dengan sifat motivasi terhadap atlet (Tammy Sheehy & Ken Hodge, 2015). Faktor personaliti begitu sinonim dengan bidang psikologi, namun tidak ramai yang mengetahui bahawa personaliti juga terkandung dalam bidang psikologi. Manakala motivasi hadir apabila seseorang dapat menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan. Dalam sesuatu pertandingan terdapat beberapa elemen yang dikatakan mempengaruhi perlawanan iaitu komponen kognitif dan kemahiran membuat keputusan (Tammy Sheehy & Ken Hodge, 2015). Sukan bola jaring yang melibatkan fizikal turut dipengaruhi oleh tahap personaliti dan tahap motivasi atlet. Pengkaji yakin bahawa dalam sukan bola jaring ini mental atlet akan merangsang dan memotivasikan atlet di samping sifat personaliti itu sendiri yang akan menjadi pendorong kepada atlet bola jaring.



1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti hubungan antara personaliti dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi adalah suatu pembinaan penting dalam psikologi sukan dan motivasi atlet yang akan menyumbang kepada kejayaan dan pencapaian prestasi atlet. Oleh itu, pengkaji telah meneliti aspek motivasi dan perkaitannya dengan aspek psikologi personaliti dalam sukan bola jaring.

Kajian berkenaan personaliti dalam sukan banyak dilakukan sebelum ini (Shread & Golby, 2015). Namun kajian tersebut tidak meramalkan kebolehan atau kejayaan atlet dalam bidang sukan. Manakala atlet yang berlatih seperti menyertai sesuatu pertandingan dengan menyediakan diri dalam latihan kekuatan mental yang cukup





(Sari,2017), ini secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi atlet dalam sukan yang diceburi. Terdapat beberapa kajian lepas yang telah mengkaji sifat personaliti dan motivasi. Kajian oleh De Feyter, Caers, Vigna dan Berings (2015), mengkaji hubungan antara sifat personaliti dengan akademik, Sakhavat, Tracy L. Cross & Thomas J.Ward 2018. Ini menunjukkan tidak terdapat banyak kajian mengenai hubungan personaliti dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam sukan bola jaring lelaki dan perempuan. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan adalah perlu untuk menjalankan kajian ini kepada atlet bola jaring lelaki dan perempuan ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji perkaitan antara personaliti, motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan atlet bola jaring. Objektif kajian :

- 1.4.1 Mengenalpasti ciri-ciri personaliti dalam kalangan pemain bola jaring lelaki dan perempuan.
- 1.4.2 Mengenalpasti corak motivasi dalam kalangan pemain bola jaring.
- 1.4.3 Mengenalpasti ciri-ciri personaliti antara pemain bola jaring lelaki dan perempuan.
- 1.4.4 Membandingkan corak motivasi antara pemain bola jaring lelaki dan perempuan.
- 1.4.5 Menghubung kaitkan perkaitan antara ciri personaliti dan corak motivasi dalam kalangan pemain bola jaring lelaki dan perempuan.





1.5 SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian yang akan digariskan adalah seperti berikut :

- 1.5.1 Apakah ciri-ciri personaliti dalam kalangan atlet bola jaring?
- 1.5.2 Apakah corak motivasi dalam kalangan atlet bola jaring lelaki dan perempuan?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan ciri-ciri personaliti antara pemain bola jaring lelaki dan perempuan?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan corak motivasi dalam kalangan atlet bola jaring lelaki dan perempuan?
- 1.5.5 Adakah terdapat perkaitan antara ciri personaliti dan corak motivasi dalam kalangan atlet bola jaring.




1.6 KERANGKA KAJIAN

Berdasarkan rajah di bawah, terdapat satu rangka kajian yang menggariskan dua jenis pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Pembolehubah bersandar terdiri daripada jenis personaliti dan tidak bersandar terdiri daripada motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Didapati bahawa rajah di bawah ingin menunjukkan perkaitan antara hubungan personaliti dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik.





Perkaitan Jenis Personaliti, Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ektrinsik dalam Kalangan
Atlet Bola Jaring





1.7 BATASAN KAJIAN

1.7.1 Delimitasi

Penyelidik telah menetapkan beberapa perkara berdasarkan kajian untuk mengenalpasti hubungan personaliti dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan atlet bola jaring.

1. Kajian ini terbatas kepada 50 orang atlet bola jaring yang sedang bergiat aktif dalam sukan bola jaring.
2. Kajian ini hanya memberikan penekanan terhadap kajian mengenai hubungan antara personaliti dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik di kalangan atlet bola jaring sahaja.
3. Responden hanya diberikan soal selidik Personaliti Big Five dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik serta diarahkan untuk mengisi soal selidik.

1.7.2 Limitasi

Limitasi adalah satu perkara yang berada di luar kawalan penyelidik, di mana ia bergantung kepada nilai kejujuran dan keikhlasan responden untuk menjawab soal selidik kajian yang diberikan. Selain itu, peserta berkemungkinan tidak memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap latihan juga merupakan di luar kawalan penyelidik. Hal ini kerana, kemungkinan atlet yang menjalani latihan tidak mengambil berat mengenai kepentingan latihan psikologi, berada dalam keadaan tertekan, emosi yang tidak stabil serta kepenatan ketika menjalani latihan bola jaring.





1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan kajian iaitu kepentingan terhadap :

1.8.1 Terhadap Atlet Bola Jaring

Kepentingan kajian ini terhadap atlet adalah dapat meningkatkan keupayaan kognitif atlet dalam sukan bola jaring. Atlet juga dapat mengetahui tahap personaliti dan motivasi dalam diri atlet. Selain itu, kajian terhadap personaliti ini dapat mengesan keadaan diri atlet dan juga akan menyumbang kepada motivasi atlet bola jaring. Apabila atlet dapat mengawal emosi dan tingkah laku dengan baik, atlet akan berupaya meningkatkan motivasi dan tahap personaliti yang bermatlamat dalam mencapai kejayaan



1.8.2 Terhadap Jurulatih

Kajian ini dapat membantu jurulatih mengenalpasti tahap kebimbangan atlet dan dapat mengesan faktor penurunan prestasi atlet. Oleh itu, dapatan yang di peroleh daripada kajian ini perlu dilakukan untuk mengesan dan membantu atlet untuk meningkatkan prestasi atlet ke arah yang lebih cemerlang

1.8.3 Terhadap Persatuan Sukan Bola Jaring

Kepentingan kajian ini terhadap sukan bola jaring ialah persatuan sukan bola jaring dapat menyedari tahap personaliti serta tahap motivasi intirnsik dan ekstrinsik terhadap bola jaring. Kajian ini dapat membantu pasukan bola jaring dalam meningkatkan prestasi sukan.





1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam konteks penyelidikan ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa definisi, konsep dan operasional yang berkaitan dengan pembolehubah - pembolehubah yang terlibat.

1.9.1 PERSONALITI

Setiap individu sudah pasti mempunyai sifat, sikap, gaya dan cara tersendiri iaitu personaliti. Personaliti turut ditakrifkan sebagai satu sistem psikofizikal yang dinamik. Psikofizikal yang dinamik ini akan memberi garis panduan kepada seseorang individu bagi menentukan ciri - ciri tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitaran kemanusiaan dan fizikalnya. Personaliti yang dinamik ini akan memberi ruang kepada perubahan yang positif bergantung kepada keadaan fizikal seseorang (Allport 1961). Personaliti dari sudut tingkah laku pula menyatakan bahawa personaliti seseorang hasil daripada apa yang dimulakan dan juga segala apa yang dialami dalam kehidupan seharian seseorang individu. Dengan kata lain, perkataan personaliti adalah sekumpulan tindak balas yang bertindak sebagai keseluruhan tindak balas (Watson 1919). Manakala menurut Ramli Hassan (1990), personaliti yang berkekalan pada seseorang individu menyebabkannya menunjukkan tingkah lakunya serta cara berfikir yang sama dalam berbagai-bagai konteks atau keadaan. Personaliti seseorang individu merangkumi ciri-ciri seperti kecerdasan sikap, kepercayaan, nilai moral, emosi, motif serta bagaimana ia menghadapi dan mengatasi tekanan dalam hidupnya.





Personaliti “Big Five” merujuk kepada teori personaliti Big Five yang dicetuskan oleh Paul Costa, Jr dan Robert Mc Crea (1995). Tret personaliti individu telah dibahagi kepada lima dimensi utama iaitu Extraversion iaitu bersifat sosial (suka bergaul), Neuroticism iaitu mempunyai gangguan emosi, Openness iaitu mempunyai sifat terbuka, Agreeableness iaitu berpendapat yang sama (senang mencapai persetujuan), Conscientiousness iaitu mempunyai kesedaran. Kaedah ini telah digunakan oleh ramai penyelidik yang ingin menguji personaliti dan biasanya digunakan untuk membangunkan ujian personaliti bagi menguji ciri personaliti individu. Maka dalam kajian ini secara operasionalnya, personaliti yang dikaji adalah merujuk kepada Model Personaliti Five Factor (Costa & McCrea, 1995). Dalam kajian ini personaliti atlet bola jaring akan dikelaskan kepada ciri ciri tertentu berdasarkan soal selidik yang disediakan.



1.9.2 Extraversion

Individu yang tinggi dalam ekstravarsi digambarkan sebagai tegas, bercita-cita tinggi, pandai bergaul, aktif, suka bercakap, berorientasikan orang, optimistik, dan penyayang (Costa & McCrae, 1992).

1.9.3 Agreeableness

Individu yang tinggi dalam Agreeableness digambarkan sebagai bertolak ansur, mempercayai, fleksibel, pemaaf, bekerjasama, sopan, lembut hati, baik-hati, membantu, mudah tertipu serta terus-terang (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992).





1.9.4 Conscientiousness

Merupakan satu dimensi yang menumpukan kepada isu-isu seperti orientasi, tingkah laku kebiasaan, dan kawalan gerak hati. Ia merujuk kepada individu yang bertanggungjawab, berhati-hati, teliti, teratur, boleh dipercayai, rajin, berdisiplin, menepati masa, kemas, bercita - cita tinggi dan gerak hati (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992).

1.9.5 Neuroticism (*Neurotikisme*)

Neuroticism digambarkan sebagai marah, malu, cemas, bermusuhan, tertekan, sedar diri, bimbang, gelisah, emosional, tidak selamat, dan tidak mencukupi (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992; Matthews & Deary, 2003).



1.9.6 Openness

Dimensi ini menerangkan keterbukaan kepada pengalaman kognitif dan bukan kognitif, yang ditunjukkan dalam pelbagai kepentingan, kesungguhan untuk mencari dan pengalaman hidup baru dan luar biasa tanpa kebimbangan dan juga dengan keseronokan. (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992).





1.10 MOTIVASI

Ford dalam Mohamad Shatar Sabran (2005 : 7) berpendapat motivasi adalah satu proses membangkit, mengarah, dan mengekalkan tindakan tingkah laku ke arah tujuan tertentu, di mana sebelum ini tidak ada gerakan menuju ke arah tujuan tersebut. Namun demikian, motivasi dalam erti kata sebenarnya bukanlah berbentuk tingkah laku tetapi keadaan internal iaitu dalam diri yang kompleks lagi subjektif, yang tidak dapat difahami secara langsung tetapi mempengaruhi seseorang (Christopher et. al, 1999 : 120). Justeru, motivasi adalah dorongan dari dalam iaitu motif yang berupa harapan dan keinginan yang bersifat mendorong dan menggerakkan individu.



1.10.1 Motivasi Intrinsik



Motivasi intrinsik merupakan motivasi dalaman. Dorongan intrinsik timbul kerana memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi (Rohaty Mohd. Majzub, 1992: 29). Ia juga merupakan ciri semula jadi manusia untuk mengatasi segala cabaran dan rintangan dalam usaha untuk mendapatkan sesuatu yang diingini. Jenis motivasi ini juga dikaitkan dengan faktor dalam diri seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan sendiri dan lain-lain. Ini kerana terdapat sesetengah tingkah laku itu dilakukan kerana individu berkenaan mendapat satu bentuk kepuasan dalaman atau satu motivasi intrinsik hasil daripadanya (Mahmood Nazar Mohamed, 1990: 294).





1.10.2 Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik adalah berlawanan dengan motivasi intrinsik. Motivasi jenis ini menjurus kepada keinginan untuk bertindak disebabkan oleh faktor dari luar diri external individu (Mohammad Shatar Sabran, 2005: 9). Segala aktiviti motivasi jenis ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti hadiah, sijil, pujian, mengelak daripada hukuman, mendapat perhatian guru atau rakan sebaya dan apa sahaja sebab yang hanya bertujuan untuk memenuhi kehendak jangka pendek dan sendiri. Oleh demikian, motivasi jenis ini wujud dan terjadi disebabkan oleh keinginan kepada pengiktirafan dan persetujuan semata-mata. Jika motivasi ekstrinsik berlaku, individu tersebut akan berasa diri mereka dimanipulasikan untuk mendapatkan pujian dan ganjaran (Rohaty Mohd. Majzub, 1992: 29).



1.11 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pada bab satu ini membincangkan isu-isu berkenaan dengan atlet bola jaring lelaki dan perempuan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengkaji akan mengambil isu yang bersesuaian berdasarkan pembolehubah kajian dan telah membina objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis yang akan dijawab pada bab empat kelak. Seterusnya, pengkaji akan membina kerangka kajian dan menerangkan teori-teori kajian lepas pada bab dua.

